

**TAKHSIS AL-NUTQ DENGAN QIYAS DAN APLIKASI HUKUMNYA DALAM MENCEGAH PANDEMIK COVID-19****THE LEGAL APPLICATION OF TAKHSIS AL-NUTQ WITH QIYAS IN PREVENTING COVID-19 PANDEMICS**<sup>i\*</sup>Abdul Azib Hussain, <sup>ii</sup>Mohd Kamil Ahmad<sup>i</sup>Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu<sup>ii</sup>Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Bachok\*(Corresponding author) email: [azibhussain83@gmail.com](mailto:azibhussain83@gmail.com)**Abstract**

This study discusses the method of *takhsis al-nutq* with *qiyyas* and its legal application in preventing the Covid-19 pandemic. This method is considered less popular because it is rarely introduced by scholars in the process of legal intervention. The focus of the study is related to selective legal issues during the period of Movement Control Order (MCO) due to pandemics such as the postponement of Friday prayers and congregational prayers in the mosque during the MCO as well as the practice of distancing while praying in the prayer queue. This study highlights the scholars' discussion on *turuq ijtihad* in harmonizing between the contradictory propositions (*ta'arud al-adillah*) through the approach of *takhsis al-nutq* as inclusive to *qiyyas*. The mode of this study is qualitative in which it uses the descriptive method using content analysis and library research. The referred sources are based on legal arguments and processed according to the method of knowledge as in line with Usul Fiqh. The findings of the study found that the government's order to postpone any religious activities in mosques and suraus is very much in line with the application of the law based on the method of *takhsis al-nutq* with *qiyyas*. In addition, it also aims to prevent the spread of infectious diseases such as coronavirus. Ultimately this method is important and should be highlighted although it may be considered as a method of legal intervention that is rarely applied.

**Keywords:** *Methods and applications of law, ta'arud al-adillah, takhsis al-nutq with qiyyas, process of legal intervention, Covid-19 pandemic*

**Abstrak**

Kajian ini membincangkan kaedah *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas* dan aplikasi hukumnya dalam mencegah pendemik Covid-19. Kaedah ini dianggap kurang popular kerana jarang diketengahkan oleh ulama dalam proses istinbat hukum. Fokus kajian adalah berkait dengan isu-isu hukum secara terpilih semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pendemik seperti penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid ketika tempoh PKP serta penjarakan sembahyang dalam saf solat. Kajian ini mengetengahkan perbincangan ulama mengenai *turuq ijtihad* dalam mengharmonikan di antara dalil-dalil yang bertentangan (*ta'arud al-adillah*) melalui pendekatan kaedah *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas*. Mod kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif menggunakan metode analisis kandungan dan kajian perpustakaan. Sumber-sumber yang dirujuk adalah berdasarkan dalil-dalil hukum dan diolah menurut kaedah ilmu Usul Fiqh. Dapatan kajian mendapati arahan kerajaan supaya menangguhkan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau adalah sangat bertepatan dengan aplikasi hukum berdasarkan kaedah *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas*. Di samping ia bertujuan untuk mencegah penularan penyakit berjangkit seperti virus korona. Akhirnya kaedah ini adalah penting dan wajar ditonjolkan walaupun ia mungkin dikira sebagai kaedah istinbat hukum yang jarang diaplisasikan.

**Kata kunci:** Kaedah dan aplikasi hukum, *ta'arud al-adillah*, *takhsis al-nutq dengan qiyyas*, istinbat hukum, pandemik Covid-19

## Pendahuluan

*Nusus* syarak berupa al-Quran dan hadith merupakan sumber rujukan hukum paling utama dalam syariat Islam. Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang azali, diturunkan oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW dan sampai kepada kita secara mutawatir. Manakala sunnah pula merupakan perkataan, perbuatan atau pengakuan Nabi SAW yang sampai kepada kita secara riwayat atau khabar. Kedua-duanya dikenali sebagai dalil *naqli* (Usamah Faisal 2008).

Dalam menyelesaikan permasalahan terhadap sesuatu isu yang tidak ditemui hukumnya di dalam al-Quran dan hadith, para ulama berijtihad berpandukan disiplin ilmu Usul Fiqh. Ijtihad merupakan usaha penyelidikan hukum yang mendalam, diaplikasikan untuk mengetahui jawapan atau kehendak Allah terhadap sesuatu persoalan hukum yang timbul (Rahimin Affandi Abdul Rahim et. al 2009).

*Nusus* syarak yang terdapat dalam al-Quran dan hadith sebahagiannya bersifat umum, khusus, *mutlaq*, *mujmal*, *muqayyad*, *mubayyan* dan seumpamanya. Kepelbagaiannya bentuk sifat *nusus* syarak tersebut telah menimbulkan perbahasan di kalangan para mujtahid mengenai cara dan kaedah untuk beramal dengannya ketika menetapkan sesuatu hukum. Misalnya terdapat dua dalil yang saling bertentangan pada zahir dari sudut hukum. Satu dalil menyatakannya sebagai haram dan satu dalil lagi menegaskannya sebagai harus. Hal ini dikenali sebagai *al-ta'arud*.

Terdapat dua aliran ulama yang mempunyai pendekatan berbeza dalam menyelesaikan isu *al-ta'arud* iaitu aliran jumhur ulama *mutakallimin* dan aliran ulama Hanafiyyah. Kajian ini menumpukan penyelesaian *al-ta'arud* melalui pendekatan jumhur ulama *mutakallimin* iaitu dengan menghimpunkan kedua-dua dalil yang saling bertentangan berdasarkan kaedah yang boleh diterima di sisi syarak. Antara kaedah yang diguna pakai adalah *takhsis al-nutq* dengan *qiyas*. Seterusnya, kajian ini akan membincangkan bagaimana pendekatan kaedah *takhsis al-nutq* dengan *qiyas* boleh diaplikasikan hukumnya dalam menyelesaikan permasalahan isu semasa iaitu mencegah pandemik Covid-19.

### Konsep *Ta'arud al-Adillah*

*Al-ta'arud* berasal dari kata dasar bahasa Arab ‘*arada*’. Ia mempunyai beberapa maksud seperti *al-man‘u* atau *al-muqabalah* (halangan atau berhadapan) (Ibn Manzur 1414H; Al-Fairuzabadi 2005). Misalnya seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 224:

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِّيَنْكِمْ أَنْ تَبْرُوْ وَتَتَّقُوْ وَتُصْلِحُوْ بَيْنَ النَّاسِ

“Dan janganlah kamu jadikan (nama) Allah dalam sumpahmu sebagai penghalang untuk membuat kebijakan, bertakwa dan mengadakan islah di antara manusia.” (Al-Baqarah: 224)

Dan hadith mengenai malaikat Jibril yang datang membaca al-Quran bersama Nabi SAW:

أَنَّ جِبْرِيلَ كَانَ يُعَارِضُنِي بِالْقُرْآنِ كُلَّ سَنَةٍ ، وَإِنَّهُ عَارِضَنِي الْعَامَ مَرَّتَيْنِ ، وَلَا أَرَاهُ إِلَّا حَضَرَ أَجْلِي

“Sesungguhnya Jibril akan menghadap di hadapanku membaca al-Quran pada setiap tahun. Namun pada tahun ini beliau telah menghadap di hadapanku sebanyak dua kali. Aku tidak melihat hal itu melainkan sebagai isyarat bahawa kematianku semakin dekat.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Secara etimologi *al-ta'arud* bermaksud kontradiksi atau pertentangan.

Manakala menurut terminologi ulama usul, ia mempunyai beberapa definisi. Al-Zarkashi (1994) mentakrifkan *al-ta’arud* sebagai تَقْابِلُ الدَّلِيلَيْنِ عَلَى سَبِيلِ الْمُمَانَعَةٍ iaitu berhadap-hadapan di antara dua dalil dengan cara yang saling bertentangan. Al-Sharkhasi (1996) pula mendefinisikannya sebagai pertentangan di antara dua hujah yang seakan sama apabila salah satu daripada dua hujah tersebut mewajibkan hukum yang berlawanan dengan apa yang diwajibkan oleh hujah yang lain seperti halal dan haram serta menafikan dan mengisbatkan. Manakala menurut al-Shaukani (1999) pula *al-ta’arud* bererti salah satu daripada dua dalil menunjukkan hukum yang berlawanan pada suatu peristiwa dan keadaan. Sementara al-Khudari Bik (1969) mendefinisikannya sebagai pertentangan di antara dua dalil dari sudut maksud.

Daripada definisi yang telah dijelaskan di atas, *ta’arud al-adillah* boleh dirumuskan sebagai pertentangan di antara dalil-dalil syarak secara mutlak, di mana salah satu daripada dalil-dalil tersebut menghendaki hukum yang tidak dihendaki oleh dalil yang lain. Antara contohnya seperti hukum kewajipan beridah kepada wanita yang diceraikan sama ada sebelum berlaku persetubuhan atau selepasnya. Firman Allah SWT:

وَالْمُطَلَّقُتُ يَرَبَصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةٌ قُرُوعٌ

*“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali suci (daripada haid).”* (Al-Baqarah: 228)

Sedangkan ayat yang lain pula menjelaskan pengecualian beridah bagi wanita yang diceraikan sebelum berlaku persetubuhan. Firman Allah SWT:

يٰ أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكْحَنُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْنَاهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُنْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُوهَا

*“Wahai orang yang beriman! Apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kami mencampurnya maka tidak wajib ke atas mereka idah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya.”* (Al-Ahzab: 49)

Kedua-dua ayat di atas dilihat saling bertentangan dari sudut hukum. Namun pada hakikatnya, tidak ada pertentangan di dalam syariat walaupun terdapat berbagai bentuk dalil yang saling berlawanan. Pertentangan dalil tersebut hanya pada pandangan zahir sahaja (‘Abd al-Wahhab Khallaf t.t), supaya mujtahid berpeluang untuk menyingkap rahsia di sebalik teksual *nusus* syarak. Ini bererti, menjadi kewajipan dan tugas sarjana Islam untuk menyelesaikannya (Ahmad Atabik 2015).

### Metode Ulama dalam Menyelesaikan Pertentangan Dalil

Allah SWT berfirman:

وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوْجَدُوا فِيهِ أُخْتِلَافًا كَثِيرًا

*“Dan kalaalah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.”* (Al-Nisa’: 82)

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa mustahil dalil-dalil syarak saling berlawanan antara satu sama lain pada satu waktu dalam satu masalah. Kerana hal ini menunjukkan tanda-tanda ketidakmampuan Syari’ dan sudah pasti ia mustahil bagi Allah SWT (Ahmad Atabik 2015).

Menyedari hal ini, maka para ulama telah berusaha untuk menyelesaikan pertentangan dalil semampu mungkin, sama ada berupa *ta'arud* antara al-Quran dengan al-Quran, *ta'arud* antara sunnah dengan sunnah, *ta'arud* antara sunnah dengan qiyas dan *ta'arud* antara qiyas dengan qiyas. Metode ulama dalam hal ini dilakukan melalui dua pendekatan yang berbeza iaitu menurut aliran jumhur *mutakallimin* dan aliran Hanafiyyah.

## 1. Metode ulama *mutakallimin* menyelesaikan *al-ta'arud*.

Jumhur ulama *mutakallimin* seperti Shafi'iyyah menyelesaikan permasalahan *al-ta'arud* secara tertib mengikut tahap-tahap berikut (Al-Barzanji 1993):

Pertama: *Al-jam'u wa al-tawfiq* iaitu menghimpun dan mengkompromikan di antara dua dalil yang saling berlawanan dengan cara yang boleh diterima oleh syarak.

Ini kerana beramal dengan dalil adalah lebih utama daripada mensia-siakannya.

Kedua: *Al-tarjih* iaitu mentarjihkan di antara dua dalil tersebut apabila tidak mampu untuk menghimpunkannya.

Ketiga: *Al-nasakh* iaitu memansuhkan salah satu daripada dua dalil yang saling berlawanan apabila diketahui sejarahnya kerana sukar untuk menghimpunkan dan mentarjihkannya.

Keempat: *Al-tasaqut* iaitu menggugurkan dua dalil yang saling berlawanan apabila mengetahui persamaannya dan tidak mengetahui sejarahnya serta sukar untuk menghimpun dan mentarjihkannya.

Kemudian beralih kepada dalil yang lebih rendah darjah kedudukannya.

Namun menurut al-Shanqiti (1426H), tahap ketiga lebih didahulukan berbanding tahap kedua. Beliau berkata:

وأعلم أنه إن حصل التعارض وجب الجمع أولاً إن أمكن كتنزيلهما على حالين ... فان لم يمكن  
الجمع فلتتأخر ناسخ للمتقدم ، فان لم يعرف المتأخر فالترجح

“Ketahuilah bahawa apabila berlaku pertentangan dalil maka wajib yang pertamanya menghimpunkan (di antara dua dalil) jika mampu, seumpama kedua-duanya di turunkan di atas dua keadaan, ... Kemudian jika tidak mampu untuk menghimpunkannya maka dalil yang terkemudian memansuhkan dalil yang terdahulu. Jika tidak diketahui manakah dalil yang terkemudian maka digunakan tarjih.”

## 2. Metode ulama Hanafiyyah menyelesaikan *al-ta'arud*.

Menurut ulama Hanafiyyah, *al-ta'arud* boleh berlaku antara *nas-nas* syarak dan dalil-dalil selain *nas*. Contoh dalil-dalil selain *nas* adalah seperti *al-ta'arud* antara dua qiyas. Oleh itu, apabila berlaku pertentangan dalil berbentuk *nas*, mereka menyelesaikannya mengikut urutan langkah-langkah berikut (Al-Barzanji 1993):

Pertama: *Al-nasakh* iaitu memansuhkan.

Seorang mujtahid dituntut untuk mencari sejarah berkaitan dua dalil *nas* tersebut. Apabila dapat diketahui kedudukan kedua-dua dalil tersebut secara pasti, maka dalil yang terkemudian akan memansuhkan dalil yang terdahulu daripadanya.

Kedua: *Al-tarjih* iaitu menguatkan salah satu daripada dalil yang saling berlawanan.

Apabila seorang mujtahid tidak dapat mengenal pasti sejarah kedua-dua dalil tersebut, maka beliau mentarjihkan salah satu daripadanya berdasarkan beberapa metode tarjih. Contohnya seperti mentarjihkan dalil *muhkam* berbanding dalil *mufassar*, mentarjihkan *ibarat al-nas* berbanding *isharat al-nas* dan mentarjihkan hukum haram berbanding hukum harus.

Ketiga: *Al-jam'u wa al-tawfiq* iaitu menghimpun dan mengkompromikan.

Apabila sukar untuk dilakukan pentarjihan, maka seorang mujtahid beralih kepada kaedah menghimpun dan mengkompromikan di antara dua dalil. Metode yang diaplikasikan adalah sesuai menurut tabiat *nas* iaitu jika kedua-dua dalil tersebut sama-sama bersifat umum, maka dihimpunkan dengan cara dipelbagaikan. Jika kedua-dua dalil tersebut sama-sama bersifat mutlak, maka dihimpunkan dengan cara limitasi. Jika kedua-dua dalil tersebut satunya bersifat umum dan satu lagi bersifat khusus, maka dihimpunkan dengan cara mengkhususkan dalil yang umum (Al-Hafnawi 1987).

Keempat: *Al-tasaqut* iaitu menggugurkan dua dalil yang saling bertentangan.

Pada ketika ini, mujtahid mencari dalil lain yang lebih rendah kedudukannya. Jika kedua-dua dalil al-Quran saling bertentangan dan digugurkan daripada beramal dengannya kerana kesukaran untuk menghimpunkannya, maka mujtahid akan merujuk kepada sunnah. Jika dua-dua dalil sunnah juga mempunyai isu yang sama, maka mujtahid akan merujuk kepada *qawl al-sahabi* atau kepada *qiyyas* (Usamah Faisal 2008, Al-Wabil 1440H).

#### **Kaitan Kaedah *Takhsis al-Nutq* dengan *Qiyyas* dalam Menyelesaikan Permasalahan *al-Ta'arud***

Setelah diterangkan metode ulama dalam menyelesaikan pertentangan di antara dalil-dalil, maka jelas kepada kita bahawa pendekatan menghimpunkan di antara dua dalil merupakan salah satu cara yang diguna pakai oleh ulama dalam proses istinbat hukum. Jumhur ulama *mutakallimin* menjadikan pendekatan *al-jam'u wa al-tawfiq* sebagai langkah pertama untuk mencari jalan keluar dalam isu *al-Ta'arud*. Manakala ulama Hanafiyyah menggunakan kaedah ini sebagai langkah yang ketiga.

Pendekatan *al-jam'u wa al-tawfiq* juga boleh dicapai menggunakan kaedah *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas*. Perbincangan mengenai hal ini bertitik tolak daripada cara para ulama usul berdalil menggunakan petunjuk hukum yang terdapat pada sesuatu lafadz dalam *nusus* syarak. Sesuatu lafadz dalam *nusus* syarak sebahagiannya didatangkan dalam bentuk umum, khusus, *mutlaq*, *muqayyad*, *mujmal*, *mubayyan* dan sebagainya.


Bagi *nusus* syarak yang bersifat umum, hukum-hukumnya didatangkan dalam bentuk yang tidak terbatas serta merangkumi setiap aspek dan keadaan. Dalam hal ini, para ulama usul telah berbahas panjang lebar mengenai hukum beramal dengan *dilalah al-'am* sebelum wujud pentakhsisnya. Sebahagian mereka berpandangan bahawa ulama usul telah sepakat di atas ketidakharusan beramal dengan *nas* umum sebelum terlebih dahulu mencari *mukhassis*nya. Namun pandangan ini disangkal oleh sebahagian mereka yang lain dan menyatakan bahawa harus beramal dengan *nas* umum sehingga ditemui *mukhassis*nya ('Iyad ibn Nami 2005).

*Mukhassis* berfungsi untuk membataskan *nas-nas* umum kepada isu yang lebih spesifik dan tertentu. Proses ini dikenali sebagai *takhsis*. Perbincangan berkaitan *takhsis* terhadap *nas* umum telah dijelaskan oleh ulama usul seperti Imam al-Haramain al-Juwaini. Menurut beliau (2003), *takhsis* terbahagi kepada dua iaitu *takhsis muttasil* (iaitu *takhsis* yang tidak berasingan bahkan bersambung dalam *nas* yang sama) dan *takhsis munfasil* (iaitu *takhsis* yang berasingan tanpa bersambung dalam *nas* yang sama).

*Takhsis muttasil* terpecah pula kepada empat iaitu: (a) *al-istithna'* (pengecualian); (b) *taqyid bi al-shart* (pengaitan dengan syarat); (c) *taqyid bi al-sifah* (pengaitan dengan sifat) dan; (d) *al-ghayah* (sampai batasan). Manakala *takhsis munfasil* pula terpecah kepada lima iaitu: (a) *takhsis* al-Quran dengan al-Quran; (b) *takhsis* al-Quran dengan sunnah; (c) *takhsis* sunnah dengan al-Quran; (d) *takhsis* sunnah dengan sunnah dan; (e) *takhsis* al-Quran dan sunnah dengan *qiyyas*.

Gambaran mengenai pembahagian *takhsis* dan pecahan topiknya ditunjukkan seperti dalam rajah di bawah:

Rajah 1: Pembahagian *Takhsis* dan Pecahan Topiknya Menurut Imam al-Haramain al-Juwaini



Daripada rajah di atas, dapat difahami bahawa kaedah *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas* merupakan antara pendekatan yang diaplikasikan oleh jumhur ulama usul untuk menyelesaikan permasalahan *al-ta'arud* iaitu dengan cara mengkompromikan di antara dua dalil yang saling bertentangan.

Kajian berkaitan penerimaan ulama usul terhadap *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas* sebagai kaedah istinbat hukum mendapati bahawa pendapat mereka boleh dirumuskan kepada empat kelompok. Kelompok pertama ialah kumpulan yang bersetuju bahawa *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas* adalah harus digunakan secara mutlak. Ini merupakan pandangan jumhur ulama.

Manakala kelompok kedua pula ialah kumpulan yang bersetuju dengan keharusan penggunaan *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas*, namun secara bersyarat. Di antara syarat keharusannya adalah seperti berikut iaitu:

- Menggunakan *qiyyas jaliy*.
- Jika *nas* umum telah ditakhsiskan terlebih dahulu sebelum *qiyyas*.
- Jika *nas* umum ditakhsiskan dengan dalil *munfasil*.
- Jika ‘illahnya sabit melalui *nas* atau *ijmak*.
- Jika *qiyyas* lebih kuat daripada lafaz umum, dan;
- Jika perkara asal bagi sesuatu yang diqiyaskan terbit daripada lafaz umum melalui *nas*.

Manakala kelompok ketiga pula ialah kumpulan yang tidak bersetuju dengan keharusan penggunaan *takhsis al-nutq* dengan *qiyyas* secara mutlak. Dan akhir sekali kelompok keempat yang berpendapat sebagai *tawaquf*.

Berdasarkan pandangan jumhur ulama di atas, kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas boleh dijadikan sebagai hujah walaupun ia bukan sebagai kaedah utama dalam proses istinbat hukum. Namun kaedah ini juga penting dan bermanfaat bagi menyelesaikan pertikaian dalam pertentangan dalil.

### Konsep *Takhsis al-Nutq* dengan Qiyas dan Aplikasinya dalam Istinbat Hukum

Perbincangan dalam topik ini dipecahkan kepada dua bahagian. Pertama penjelasan mengenai definisi kalimah *takhsis* dan kalimah *al-nutq*. Kedua penerangan mengenai aplikasi *takhsis al-nutq* dengan qiyas dalam proses istinbat hukum.

#### Pertama: Definisi *takhsis* dan *al-nutq*.

*Takhsis* (تحصیص) adalah kata terbitan (*masdar*) daripada kata kerja (*fi'l*) خَصَّنْ (*khassasa*) yang bermakna خَصْنَ (*khassa*). *Khassa* dari sudut etimologi membawa dua maksud iaitu:

Pertama: Khusus.

Contohnya seperti apabila ingin dikhususkan sesuatu perkara kepada seseorang, dia berkata: اخْصَنْ فُلَانْ بِالْأَمْرِ وَتَخْصَنْ لَهُ 'Telah dikhususkan si fulan dengan perkara tersebut dan khususlah untuknya.'

Kedua: Melebihkan daripada yang lain serta membezakannya.

Contohnya seperti kata seseorang apabila dia ingin melebihkan sesuatu perkara dan membezakannya dengan yang lain: خَصَّةُ بِإِلَلَيْ خَصًّا 'Dia telah melebihkannya dengan sesuatu kelebihan.' (Ibn Manzur 1414H).

Manakala terminologi *takhsis* menurut ulama usul telah ditakrifkan dengan berbagai definisi seperti berikut:

1. Menurut Abu al-Husin al-Basri (1983), *takhsis* ialah mengeluarkan sebahagian perkara yang tiada *mukhassis* daripada termasuk di dalam *khitab* namun keadaan perkara yang tiada *mukhassis* tersebut masih berkait dengan *khitab*.
2. Manakala menurut al-Razi (1997) pula, *takhsis* ialah mengeluarkan sebahagian perkara yang tiada *mukhassis* daripada termasuk di dalam *khitab* mengenainya.
3. Ibn al-Subki (1419H) pula mendefinisikan *takhsis* sebagai menghadkan keumuman hukum ke atas sebahagian entitinya.

Definisi ini juga hampir menyerupai dengan apa yang dijelaskan oleh Ibn al-Hajib (t.t).

4. Sementara Imam al-Haramain al-Juwaini (2003) pula mentakrifkannya sebagai mengeluarkan sebahagian daripada keseluruhan ayat yang disebut.

Berdasarkan definisi-definisi *takhsis* di atas, pandangan yang disebut oleh Ibn al-Subki merupakan definisi yang selamat daripada menerima kritikan daripada ulama usul yang lain (Al-Wabil 1440H). Definisi yang diutarakan oleh beliau juga dilihat mencakupi setiap aspek-aspek yang berkait dengan bidang *takhsis*.

#### Huraian definisi *takhsis* menurut Ibn al-Subki.

Ibn al-Subki berkata, *takhsis* ialah:

## فَصُرُّ الْعَامِ عَلَى بَعْضِ أَفْرَادِهِ

‘Menghadkan keumuman (hukum) ke atas sebahagian entitinya.’

(فَصُرُّ الْعَامِ) ‘menghadkan keumuman (hukum)’ maksudnya lafaz umumnya masih kekal. Namun hukumnya sahaja yang dihadkan daripada hukum yang umum menjadi hukum yang khusus.

Manakala (الْعَامِ) ‘umum’ di sini maksudnya umum yang syumul iaitu merangkumi umum dari sudut lafaz dan akal seperti umum *mafhum al-mukhalafah* serta umum dari sudut ‘uruf seperti umum *mafhum al-muwafaqah*.

Kalimah (عَلَى بَعْضِ أَفْرَادِهِ) ‘ke atas sebahagian entitinya’ pula adalah bertujuan untuk mengeluarkan batasan umum ke atas semua entiti seperti *nasakh*. Ini kerana *nasakh* menjadikan semua hukum termansuh sama ada dari sudut lafaz atau hukum. Sedangkan umum tidak memansuhkan lafaz, bahkan hukum umumnya juga masih terpakai dalam keadaan tertentu.

Kemudian kalimah *al-nutq* (النُّطْقُ) pula adalah kata terbitan (*masdar*) daripada kata kerja (*fi'l*) (*nataqa*). Dari sudut etimologi ia bermaksud percakapan atau kalam (Ibn Manzur 1414H; Ibn Faris 1979).

Kalimah *al-nutq* disebut dalam al-Quran sebanyak dua belas kali. Secara umumnya ia bermaksud semata-mata keluar suara yang menggambarkan tentang percakapan (*al-qawl*) sama ada ia berupa ucapan (*al-kalam*) atau selainnya. Oleh itu, *al-nutq* adalah lawan bagi bisu, bukan lawan bagi diam kerana diam boleh jadi berlaku selepas selesai percakapan atau sebelum memulakan percakapan (Ziyad al-Silwadi 2020).

*Al-nutq* digunakan ke atas percakapan yang keluar daripada makhluk yang tidak boleh bercakap pada adatnya, namun berlaku dengan izin Allah. Contohnya seperti percakapan kitab amalan dan kulit yang akan menjadi saksi ke atas manusia pada hari akhirat. *Al-nutq* juga digunakan terhadap gaya percakapan yang tidak difahami oleh manusia biasa, tetapi difahami oleh orang yang diberikan ilmu. Contohnya seperti Nabi Sulaiman AS yang diberikan ilmu memahami gaya percakapan (*mantiq*) burung (Ziyad al-Silwadi 2020).

Manakala *al-nutq* menurut terminologi ilmu Usul Fiqh telah dijelaskan oleh Imam al-Haramain al-Juwaini (2003) sebagai firman Allah SWT iaitu al-Quran dan sabda Nabi SAW iaitu sunnah. Kata beliau dalam *Matn al-Waraqat*:

وَنَعْنِي بِالنُّطْقِ : قَوْلَ اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى وَقَوْلَ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Yang kami maksudkan dengan *al-nutq* adalah firman Allah SWT dan sabda Rasulullah SAW.”

Setelah dijelaskan kedua-dua definisi perkataan *takhsis* dan *al-nutq* di atas, maka istilah *takhsis al-nutq* dengan qiyas yang ingin dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah menetapkan hukum-hukum yang khusus sama ada daripada dalil al-Quran atau sunnah dengan menggunakan qiyas. Sebahagian ulama usul juga menyebut istilah *takhsis al-nutq* dengan panggilan *takhsis al-nas*.

### **Kedua: Aplikasi *takhsis al-nutq* dengan qiyas dalam istinbat hukum.**

Jumhur ulama usul berpandangan bahawa harus *takhsis al-nutq* dengan qiyas secara mutlak sama ada qiyas tersebut *jaliy* atau *khafiy* (Abu al-Husin al-Basri 1983; Al-Baidawi 1996; Al-Baji 2000; dan Al-Taftazani 1983). Hal ini kerana qiyas juga bersandarkan kepada *nas* al-Quran dan hadith, maka ia

seolah-olah dikira pentaksis. Kefahaman terhadap hujah mereka serta aplikasi *takhsis al-nutq* dengan qiyas dalam proses istinbat hukum boleh digambarkan seperti berikut:

Terdapat suatu *nas* umum dalam al-Quran atau hadith yang menjelaskan mengenai masalah tertentu. Kemudian *nas* umum tersebut telah ditaksiskan oleh *nas* yang lain. Namun, terdapat pula masalah baru (perkara cabang) yang hampir menyamai masalah yang telah ditaksiskan tadi di mana ‘illah hukumnya adalah sama.

Contohnya seperti hukuman ke atas sahaya lelaki yang berzina. Abu Ya’la al-Fara’ (1993) dan al-Sam’ani (1999) berkata bahawa hukuman 50 kali sebatan ke atas sahaya lelaki yang berzina adalah hasil istinbat melalui *nas* umum yang telah ditaksiskan dengan qiyas.

Firman Allah SWT:

الرَّانِيْةُ وَالرَّانِيْ فَاجْلِدُوْا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدٍ

*“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang daripada keduanya seratus kali sebat.”* (Al-Nur: 2)

Ayat di atas adalah umum kerana merangkumi wanita dan lelaki yang berzina sama ada merdeka atau sahaya. Hukuman ke atas mereka adalah sebatan sebanyak 100 kali. Namun hukuman ke atas sahaya wanita telah ditaksiskan oleh *nas* yang lain berbunyi:

فَإِذَا أُخْصِنَ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفُحْشَةٍ فَعَلَيْهِنَ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَتِ مِنَ الْعَدَابِ

*“Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh daripada (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka.”* (Al-Nisa’: 25)

Ayat 25 dalam surah al-Nisa’ di atas telah mengkhususkan hukuman ke atas wanita sahaya yang berzina dengan sebatan sebanyak 50 kali. Namun bagaimana pula hukuman ke atas lelaki sahaya yang berzina? Maka diqiyaskan hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina dalam ayat 25 surah al-Nisa’ ke atas sahaya lelaki yang berzina kerana kedua-duanya mempunya persamaan ‘illah hukum dari sudut perhambaan.

Perbincangan aplikasi kaedah takhsis al-nutq dengan qiyas dalam proses istinbat hukum diringkaskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Aplikasi Kaedah Takhsis al-Nutq dengan Qiyas dalam Istinbat Hukum

Teori Kaedah		Aplikasi Kaedah
Perkara	Butiran	
Peringkat 1	<i>Nas</i> umum (al-Quran atau hadith)	Hukuman ke atas perempuan dan lelaki yang berzina sebat 100 kali sama ada merdeka atau sahaya
Peringkat 2	Dalil khusus ( <i>takhsis</i> daripada al-Quran atau hadith)	Hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina sebat 50 kali
Peringkat 3	Perkara asal	Wanita sahaya yang berzina
Peringkat 4	Hukum perkara asal	Sebatan 50 kali
Peringkat 5	Perkara cabang	Lelaki sahaya yang berzina
Peringkat 6	‘illah hukum perkara asal	Perhambaan
Peringkat 7	Hukum perkara cabang	Sebatan 50 kali

Daripada contoh perbincangan di atas, terdapat dua dalil yang saling bertentangan antara satu sama lain dari sudut hukum. Satu daripada dalil tersebut berbentuk umum. Ia menegaskan hukuman ke atas wanita dan lelaki yang berzina adalah disebat sebanyak 100 kali. Manakala satu dalil lagi berbentuk khusus. Ia menyatakan hukuman ke atas sahaya wanita yang berzina adalah disebat sebanyak 50 kali.

Dengan cara menghimpun dan mengkompromikan di antara dua dalil tersebut melalui kaedah taksis, maka ia dapat menyelesaikan permasalahan *al-ta'arud*. Seterusnya isu hukuman ke atas sahaya lelaki yang berzina diselesaikan melalui pendekatan qiyas. Inilah yang dimaksudkan dengan aplikasi kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas dalam proses istinbat hukum.

### **Aplikasi Hukum Melalui Kaedah *Takhsis al-Nutq* dengan Qiyas dalam Mencegah Pendemik Covid-19**

Pendemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah meletakkan negara kita pada suatu keadaan yang hampir menyamai darurat. Pada peringkat awal ketika pandemik ini berjangkit secara meluas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan media berkaitan penangguhan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau bermula 17 Mac 2020 (JAKIM 2020). Kemudian ia dilanjutkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Prime Minister's Office of Malaysia 2020). Hal ini termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid.

*World Health Organization* (WHO) (2020) juga telah menjelaskan beberapa cara untuk mencegah penularan wabak Covid-19. Antaranya adalah dengan mengamalkan penjarakan fizikal dengan jarak minimum satu meter daripada orang ramai dan di tempat awam yang sesak. Ketua Pengarah Kesihatan (2020) juga menegaskan perkara yang sama dalam kenyataan akhbar beliau pada 11 Mac 2020.

Secara umumnya, tidak seorang pun dapat mengetahui secara pasti sama ada seseorang itu positif jangkitan virus korona atau tidak (Eko Misbahuddin Hasibun dan Muhammad Yusran 2020). Oleh itu, amalan penjarakan fizikal dan tidak berhubungan secara langsung dengan sesiapa pun adalah sebagai suatu langkah ikhtiar untuk menyelamatkan diri daripada dijangkiti virus korona. Hal ini juga memberi implikasi secara langsung dalam aktiviti ibadat seperti solat berjemaah, solat jenazah, ibadat haji dan umrah serta lain-lain lagi.

Berdasarkan latar belakang di atas, maka kajian ini akan menghuraikan pendekatan melalui kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas dalam menyelesaikan permasalahan hukum berkaitan penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid serta penjarakan sembahyang dalam saf solat. Begitu juga bagaimana aplikasi hukumnya untuk mencegah penularan pandemik Covid-19.

#### **1. Penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid.**

Pada asasnya, kewajipan solat Jumaat tidak gugur tanpa sebarang keuzuran syarak. Bahkan orang yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa uzur syarie dikira sebagai seorang munafik serta dikenakan hukuman *ta'zir* (Siti Zubaidah Ismail 2008).

Namun terdapat dalil umum daripada hadith yang menerangkan tentang bentuk keuzuran yang mengharuskan untuk tidak dilaksanakan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid. Ia berdasarkan kepada sabda Nabi SAW:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَنْتَهِ مِنِ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ فَلَا صَلَاةً لَهُ ». قَالُوا : وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ : « حَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

"Barang siapa yang mendengarkan azan dan tidak punya alasan sehingga tidak menjawabnya (tidak mendatanginya), maka tidak diterima solat yang dia kerjakan). Para

*sahabat bertanya, ‘Apakah alasan (uzur) itu?’ Baginda menjawab, ‘Takut atau sakit.’” (Riwayat al-Baihaqi dan Abu Dawud).*

Hadith di atas menerangkan secara umum tentang alasan yang menjadi sebab kepada seseorang dibenarkan untuk tidak menghadiri solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid iaitu kerana takut atau sakit. Kedua-dua alasan boleh disifatkan sebagai suatu kemudaratian.

Pun begitu, terdapat larangan secara khusus daripada Rasulullah SAW ke atas sahabat yang memakan bawang putih atau bawang merah daripada hadir solat di masjid. ‘Illahnya adalah kerana ia memudaratkan jemaah. Sabda Nabi SAW:

مَنْ أَكَلَ ثُومًا أَوْ بَصَالًا فَلْيَعْتَزِلْ مَسْجِدَنَا وَلْيَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ

*“Barang siapa yang memakan bawang putih atau bawang merah maka jauhilah kami”, atau Baginda bersabda, “Jauhilah masjid kami dan duduklah di rumahnya. (Riwayat Ahmad)*

Larangan daripada hadir solat ke masjid dalam hadith di atas adalah melibatkan perkara *tahsinyyat* iaitu mengganggu jemaah dengan bau yang tidak menyenangkan. Mudarat yang terhasil daripada bau bawang secara logiknya tidak sampai kepada tahap mematikan. Jadi bagaimana pula hukum hadir solat Jumaat dan solat berjemaah ketika pandemik Covid-19 yang mudaratnya lebih besar iaitu melibatkan perkara *daruriyyat* seperti nyawa? Maka aplikasi hukum dalam kes ini menggunakan pendekatan kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas. Ia diringkaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Aplikasi Kaedah *Takhsis al-Nutq* dengan Qiyas dalam Isu Solat Jumaat dan Solat Berjemaah.

Teori Kaedah		Aplikasi Kaedah
Perkara	Butiran	
Peringkat 1	<i>Nas</i> umum (al-Quran atau hadith)	Hadith memberikan keizinan untuk tidak hadir solat Jumaat dan solat berjemaah kerana takut dan sakit
Peringkat 2	Dalil khusus ( <i>takhsis</i> daripada al-Quran atau hadith)	Larangan daripada hadith untuk hadir solat ke masjid kerana bau yang tidak menyenangkan
Peringkat 3	Perkara asal	Memakan bawang
Peringkat 4	Hukum perkara asal	Dilarang hadir ke masjid
Peringkat 5	Perkara cabang	Pandemik Covid-19
Peringkat 6	‘Illah hukum perkara asal	Memudaratkan jemaah
Peringkat 7	Hukum perkara cabang	Dilarang hadir ke masjid

Sumber: Penyelidikan, 2020.

Berdasarkan jadual 2 di atas, dalil larangan hadir ke masjid bagi mereka yang memakan bawang telah diqiyaskan dengan isu pandemik Covid-19 kerana perkongsian ‘illah dari sudut memudaratkan jemaah. Pada pandangan akal, kemudaratian akibat pandemik Covid-19 adalah lebih besar risikonya ke atas jemaah berbanding kemudaratian memakan bawang. Jadi aplikasi kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas ini bertepatan dengan pandangan sebahagian ulama usul yang menyatakan bahawa kaedah ini adalah harus jika menggunakan qiyas *jaliy*. Ini kerana ‘illah hukumnya boleh diketahui melalui *zahir nas* tanpa perlu kepada mencari dalil, seumpama haram memukul dan mencaci ibu bapa kerana lebih besar mudaratnya berbanding hanya berkata ‘ah’ kepada mereka.

Justeru, arahan menangguhkan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau pada ketika itu boleh difahami sebagai mengaplikasikan hukum yang telah dikeluarkan melalui kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memutuskan rantaian jangkitan virus korona.

## 2. Penjarakan sembahyang dalam saf solat.

Dalam situasi keadaan biasa tanpa sebarang darurat seperti perang, sakit dan takut, merapat serta meluruskan saf dalam solat berjemaah hukumnya adalah sunat. Ia juga termasuk sebahagian daripada kesempurnaan solat. Ini berdasarkan kepada hadith Nabi SAW:

سَوْوا صُفُوفُكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ

*“Luruskan saf-saf kamu kerana sesungguhnya ia sebahagian dari kesempurnaan mendirikan solat.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

أَتُؤْمِنُ صَفَوفُكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصَّفَّ مِنْ قَمَمِ الصَّلَاةِ

*“Sempurnakanlah saf-saf kamu kerana sesungguhnya ia sebahagian kesempurnaan solat.”* (Riwayat Ahmad dan Ibn Hibban)

Bahkan saf yang paling utama adalah saf pertama. Ini bersandarkan kepada hadith Nabi SAW:

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي النِّدَاءِ وَالصَّفَّ الْأَوَّلِ، ثُمَّ لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَهِمُوا عَنْهُ لَا سَتَاهُمُوا

*“Sekiranya manusia mengetahui apa (kebaikan) yang terdapat pada azan dan saf yang pertama, kemudian mereka tidak mendapati cara untuk mendapatkan ia melainkan dengan mencabut undi, pasti mereka akan mencabut undi.”* (Riwayat al-Bukhari)

Manakala syarat sah mengikut imam menurut mazhab Shafi'i pula hendaklah kedudukan maknum dan imam dalam jarak tiga *zira'* iaitu lebih kurang 1.5 meter. Begitu juga jarak antara saf pertama dengan saf kedua dan seterusnya (Al-Nawawi t.t.). Jika maknum berada di luar bangunan masjid, maka jarak maksimum antara imam dan maknum dan antara maknum dengan maknum yang dapat melihat solat imam serta mendengar takbirnya adalah 300 *zira'* iaitu lebih kurang 150 meter (Al-Nawawi t.t.).

Walaupun begitu, jika berada dalam satu bangunan masjid, maka tidak mengapa jika jarak antara keduanya dekat atau jauh kerana luasnya masjid, sebab memang masjid dibina untuk solat dan berjemaah di dalamnya. Maka jarak yang berjauhan tidak mempengaruhi hukumnya. Imam al-Rafi'i (1997) berkata:

فَمَنْ كَانَ الْإِمَامُ وَالْمَأْمُومُ فِي مَسْجِدٍ وَاحِدٍ صَحَّ الْإِقْتِدَاءُ ، قَرُبَتِ الْمَسَافَةُ بَيْنَهُمَا أَوْ بَعْدَتْ لِكِبَرِ الْمَسْجِدِ، ... ؛ لِأَنَّ الْمَسْجِدَ كُلُّهُ مَبْيَنٌ لِلصَّلَاةِ وَإِقَامَةِ الْجَمَاعَةِ فِيهِ ، فَالْمُجْتَمِعُونَ فِيهِ مُجْتَمِعُونَ لِإِقَامَةِ الْجَمَاعَةِ مُؤَدُّونَ لِشَعَارِهَا ، فَلَا يَضُرُّهُمْ بَعْدُ الْمَسَافَةِ

*“Bila mana imam dan maknum berada dalam satu masjid, maka sah iqtida'nya (mengikut imam) sama ada jarak antara keduanya dekat atau jauh kerana luasnya masjid, sebab masjid semua ruangnya adalah tempat untuk solat dan mendirikan jemaah di dalamnya. Jadi jemaah yang berkumpul di dalamnya adalah berkumpul untuk mendirikan jemaah dan menunaikan syiarinya, maka jarak yang berjauhan tidak mempengaruhinya.”*

Namun, bagaimana pula hukum dengan solat berjemaah dalam keadaan jarak satu meter antara imam dengan maknum serta antara maknum dengan maknum yang lain ketika tempoh pandemik Covid-19? Hukum bagi hal ini akan diuraikan mengikut pendekatan kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas.

Terdapat dalil umum daripada hadith Nabi SAW yang menyarankan supaya berubat apabila terkena penyakit. Sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدُّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَأْوُوا وَلَا تَدَأْوُوا بِحَرَامٍ

*“Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat serta menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya. Maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram.”* (Riwayat Abu Dawud)

Cara rawatan bukan hanya dengan memakan ubat sahaja, namun boleh juga dilakukan dengan cara pencegahan awal daripada terkena jangkitan. Nabi SAW menegaskan secara khusus supaya menjauhkan diri daripada pesakit kusta kerana dibimbangi ia berjangkit. Sabda Baginda SAW:

فِرَّ مِنَ الْمَجْنُومِ فِرَارَكَ مِنْ الْأَسَدِ

*“Jauhilah penyakit kusta seperti mana kamu lari daripada singa.”* (Riwayat Ahmad)

Oleh itu, aplikasi hukum dalam kes ini menggunakan pendekatan kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas ditunjukkan dalam jadual seperti di bawah:

Jadual 3: Aplikasi Kaedah *Takhsis al-Nutq* dengan Qiyas dalam Isu Penjarakan Sembahyang dalam Saf Solat.

Teori Kaedah		Aplikasi Kaedah
Perkara	Butiran	
Peringkat 1	Nas umum (al-Quran atau hadith)	Saranan supaya berubat daripada penyakit
Peringkat 2	Dalil khusus ( <i>takhsis</i> daripada al-Quran atau hadith)	Menjauhi daripada penyakit berjangkit
Peringkat 3	Perkara asal	Penyakit kusta
Peringkat 4	Hukum perkara asal	Menjauhkan diri
Peringkat 5	Perkara cabang	Virus korona
Peringkat 6	‘Illah hukum perkara asal	Kebimbangan berjangkit
Peringkat 7	Hukum perkara cabang	Menjauhkan diri

Sumber: Penyelidikan, 2020.

Berdasarkan jadual 3 di atas, dalil menjauhi penyakit berjangkit seperti kusta telah diqiyaskan ke atas penyakit virus korona kerana mempunyai persamaan ‘illah dari sudut kebimbangan berjangkit. Dari segi logik, menjauhkan diri daripada orang yang dibimbangi mempunyai virus korona adalah lebih utama kerana ia sukar untuk dipastikan sama ada positif atau tidak, berbanding penyakit kusta yang boleh dikesan serta dilihat dengan pancaindera. Oleh itu, *takhsis al-nutq* dengan qiyas dalam isu ini adalah menggunakan qiyas *jaliy*.

Justeru, pengamalan solat berjemaah dalam keadaan renggang satu meter dikira masih sah dalam situasi pandemik Covid-19 kerana kebimbangan terhadap penyakit. Ia juga tetap dikira masih mendapat pahala saf dan solat berjemaah. Antara ulama kontemporari yang berpandangan seperti ini adalah Prof. Dr. Khalid ibn Ali al-Musyaiqih (2020) melalui katanya:

“Sunnah (tuntutan Rasulullah) bahawa saf solat haruslah berdekatan, jarak antara satu saf dengan saf berikutnya adalah seukuran tempat sujud. Tetapi jika (berjauhan jarak) diperlukan kerana bimbang terjangkit penyakit, maka berjauhan saf tidak mengapa, walaupun seorang harus solat sendiri di belakang saf kerana hajat (keperluan).”

## Penutup

Penggunaan kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas dikira telah menyelesaikan pertikaian hukum terhadap isu penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid serta penjarakan sembahyang dalam saf solat ketika musim PKP. Pertentangan dalil telah dilaraikan secara harmoni melalui pendekatan *al-jam'u wa al-tawfiq*.

Hasil perbincangan hukum ini secara tidak langsung sebenarnya telah diaplikasikan oleh kerajaan melalui arahan supaya ditangguhkan sebarang aktiviti keagamaan di masjid dan surau ketika awal tempoh PKP serta mengekalkan arahan penjarakan fizikal bagi memutuskan rantaian virus korona daripada terus berjangkit.

Walaupun kaedah *takhsis al-nutq* dengan qiyas jarang diaplikasikan oleh ulama dalam proses istinbat hukum kerana ia bukan kaedah utama, namun hanya sebagai pelengkap kepada proses cari gali hukum sahaja, meskipun begitu dalam kes-kes tertentu seperti isu pandemik Covid-19 ini, ia boleh diteroka sebagai suatu kaedah berijtihad yang sedia ada untuk menyelesaikan permasalahan kontemporari yang berlaku.

## Rujukan

- Abu al-Husin al-Basri, Muhammad ibn ‘Ali al-Tayyib. 1983. *Al-Mu’tamad fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Ya’la al-Fara’, Muhammad ibn al-Husin ibn Muhammad. 1993. *Al-‘Uddah fi Usul al-Fiqh*. Arab Saudi: TP.
- Ahmad Atabik. 2015. “Kontradiksi Antar Dalil dan Cara Penyelesaiannya Prespektif Ushuliyyin.” *Jurnal Pemikiran Hukum dan Hukum Islam* Vol. 6, No. 2:257.
- Al-Baji, Sulayman ibn Khalaf ibn Sa’d al-Qurtubi. 2000. *Al-Isharat fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Baidawi, ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad. 1996. *Minhaj al-Wusul fi ‘Ilm al-Usul*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Barzanji, ‘Abd al-Latif ibn ‘Abd Allah. 1993. *Al-Ta’arud wa al-Tarjih baina al-Adillah al-Syar’iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Eko Misbahuddin Hasibun dan Muhammad Yusran. 2020. “Hukum Salat Berjemaah di Masjid dengan Saf Terpisah karena Wabah Covid-19.” *Bustanul Fuqaha: Jurnal Bidang Hukum Islam*, Vol. 1 (2):106-124.
- Al-Fairuzabadi, Muhammad ibn Ya’kub. 2005. *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Faris, Ahmad ibn Faris. 1979. *Mu’jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- From the Desk of the Director-General of Health Malaysia. 2020. Diakses 24 September, 2020, daripada <https://kpkesihatan.com/2020/03/11/kenyataan-akhbar-kpk-11-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- Al-Hafnawi, Muhammad Ibrahim Muhammad. 1987. *Al-Ta’arud wa al-Tarjih ‘ind al-Usuliyyin wa Atharuhuma fi al-Fiqh al-Islamiy*. Mansurah: Dar al-Wafa’.
- Ibn al-Hajib, Uthman ibn ‘Umar ibn Abu Bakr. t.t. *Mukhtasar Muntaha al-Wusul wa al-Amal*. Mekah: Matbu’at Markaz Ihya’ al-Turath al-Islamiy.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram ibn ‘Ali. 1414H. *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Subki, ‘Abd al-Wahhab ibn ‘Ali Abi al-Nasr. 1419H. *Raf’u al-Hajib ‘an Mukhtasar Ibn al-Hajib*. Beirut: Dar al-Nashr ‘Alim al-Kutub.
- Imam al-Haramain al-Juwaini, ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allah. 2003. *Matn al-Waraqat*. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi’.
- ‘Iyad ibn Nami al-Salami. 2005. *Usul al-Fiqh Allazi La Yasa’u al-Faqih Jahlahu*. Riyadh: Dar al-Tadmiriyyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. Diakses 24 September, 2020, daripada <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/2373-kenyataan-media-menteri-dijabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-penangguhan-semua-aktiviti-keagamaan-di-masjid-dan-surau-serta-panduan-pengurusan-jenazah-mangsa-covid-19>

- Khallaf, ‘Abd al-Wahhab. t.t. *‘Ilm Usul al-Fiqh*. TTP: Maktabah al-Da’wah.

Al-Khudari Bik, Muhammad ibn ‘Afifi al-Bajuri. 1969. *Usul al-Fiqh*. Mesir: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.

Al-Musyaiqih, Khalid ibn Ali. 2020. *Al-Ahkam al-Fiqhiyyah al-Muta‘alliqah bi Waba‘ Korona*. Diakses daripada [https://d1.islamhouse.com/data/pdf-viewer/web/viewer.html?file=https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih\\_books/single\\_09/ar-alahkam-alfaqhiah-almutaealiyah-be-corona.pdf](https://d1.islamhouse.com/data/pdf-viewer/web/viewer.html?file=https://d1.islamhouse.com/data/ar/ih_books/single_09/ar-alahkam-alfaqhiah-almutaealiyah-be-corona.pdf)

Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya ibn Sharaf. t.t. *Al-Majmu’ Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.

Prime Minister’s Office of Malaysia. 2020. Diakses 24 September, 2020, daripada <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-25-mac-2020/>

Al-Rafi’i, ‘Abd al-Karim ibn Muhammad ibn ‘Abd al-Karim. 1997. *Al-‘Aziz Sharh al-Wajiz al-Ma’ruf bi Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Rahimin Affandi Abdul Rahim et. al. 2009 “Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis.” *Jurnal Syariah*, Jil. 17 (1):198.

Al-Razi, Muhammad ibn ‘Umar ibn al-Hasan. 1997. *Al-Mahsul*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Sam’ani, Mansur ibn Muhammad ibn ‘Abd al-Jabbar. 1999. *Qawati’ al-Adillah fi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Shanqiti, Muhammad al-Amin ibn al-Mukhtar. 1426H. *Muzakkirah Usul al-Fiqh ‘ala Rawdah al-Nazir*. Mekah: Dar ‘Alim al-Fawaid.

Al-Sharkhasi, Abu Bakr ibn Muhammad ibn Ahmad. 1996. *Al-Muharrar fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Shaukani, Muhammad ibn ‘Ali ibn Muhammad. 1999. *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kuttab al-‘Arabiyy.

Siti Zubaidah Ismail dan Muhammad Zahiri Awang Mat. 2008. “Kesalahan Tidak Sembahyang Jumaat: Tinjauan dari Perspektif Fiqh dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah.” *Jurnal Hukum*, JH 29 Bhg. 2:131-154.

Al-Taftazani, Mas’ud ibn ‘Umar ibn ‘Abd Allah. 1983. *Hashiyah al-Taftazani wa Hashiyah al-Sharif al-Jurjani ‘ala al-Muntaha al-Usuli li Ibn al-Hajib*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Usamah Faisal. 2008. *Al-Takhsis wa Atharuhu fi al-Ijtihad*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Al-Wabil, Abdul Majid ibn Yusuf. 1440H. *Takhsis al-‘Am bi al-Qiyas*. Kaherah: Dar Ibn al-Jawzi.

World Health Organization. 2020. Diakses pada 24 September, 2020, daripada <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public>

Al-Zarkashi, Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Bahadur. 1994. *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Kutubiy.

Ziyad al-Silwadi. 2020. ‘Ajaib al-Quran al-Karim. Diakses pada 24 September, 2020, daripada facebook.com, <https://ar-ar.facebook.com/quraan.ziad/photos/730629380417559/>